



**PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**  
*Office of Director-General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8,**  
*Level 8, Block E8,*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Kompleks Parcel E,*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel : 03-8884 6077  
Fax : 03-8889 4548  
Laman web : <http://www.moe.gov.my>

KP/KPPM/6 /Jld 2( 1 )  
31 Januari 2013

**Semua Pengarah Pelajaran Negeri**  
Jabatan Pelajaran Negeri

YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan

***SURAT PEKELILING IKHTISAS BILANGAN 1 TAHUN 2013:***  
**PELANTIKAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH DAN GURU BESAR SEKOLAH RENDAH MUBALIGH**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Ikhtisas ini bertujuan untuk menerangkan kaedah pelantikan pengetua sekolah menengah dan guru besar sekolah rendah mubaligh melalui perundingan di antara pihak Jabatan Pelajaran Negeri dengan pihak berkuasa mubaligh. Walau bagaimanapun, perundingan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan pelaksanaan surat pekeling ini.

**LATAR BELAKANG**

2. Sekolah mubaligh atau dikenali juga sebagai sekolah *mission* adalah sekolah yang diwarisi semenjak sebelum merdeka dan ditubuhkan hasil usaha pertubuhan mubaligh Kristian. Sekolah ini terdiri daripada kedua-dua kategori iaitu sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.

3. Sekolah mubaligh telah menerima dan melaksanakan sepenuhnya sistem pendidikan kebangsaan. Sekolah ini dibenarkan untuk mengekalkan watak dan identiti sekolah tersebut.

4. Surat Kementerian Pelajaran Malaysia bertarikh 29 Oktober 1976 kepada ketua-ketua gereja di Sabah telah menyatakan persetujuan pihak kerajaan untuk mengadakan perundingan dengan pihak berkuasa mubaligh berkaitan pelantikan pengetua dan guru besar sekolah mubaligh. Walau bagaimanapun, pelantikan tersebut tertakluk kepada kelulusan kerajaan.

5. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Januari 2012 juga bersetuju supaya pandangan pihak berkuasa mubaligh diambil kira dalam pelantikan pengetua dan guru besar sekolah mubaligh. Walau bagaimanapun, calon-calon yang dicadangkan untuk mengisi jawatan tersebut hendaklah terdiri dalam kalangan pegawai perkhidmatan pendidikan yang telah memenuhi syarat kenaikan pangkat.

## TAFSIRAN

6. Pihak berkuasa mubaligh bermaksud pengasas sekolah mubaligh yang berkaitan serta pemilik berdaftar tapak tanah dan bangunan sekolah.

## PELAKSANAAN

7. Bagi tujuan perundingan dengan pihak berkuasa mubaligh, carta alir seperti di **Lampiran 1 dan 2** berdasarkan langkah berikut hendaklah dipatuhi:

- 7.1 Pihak berkuasa mubaligh boleh mengemukakan nama calon kepada JPN untuk dipertimbangkan bagi mengisi jawatan pengetua sekolah menengah atau guru besar sekolah rendah mubaligh. Mereka boleh mencalonkan nama pengetua atau guru besar tersebut dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja** selepas dimaklumkan oleh JPN berkaitan kekosongan yang berlaku melalui Pengarah Pelajaran Negeri;
- 7.2 Bagi kekosongan jawatan atas sebab persaraan, pihak berkuasa mubaligh boleh mengemukakan nama calon kepada JPN untuk dipertimbangkan bagi mengisi jawatan pengetua sekolah menengah atau guru besar sekolah rendah mubaligh dalam tempoh selewat-lewatnya **tiga puluh (30) hari bekerja** sebelum tarikh persaraan berkuat kuasa.
- 7.3 Calon yang dicadangkan perlulah dalam kalangan mereka yang telah diluluskan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) atau calon yang telah berada di gred yang setara dengan gred jawatan kenaikan pangkat yang hendak diisi tertakluk kepada peraturan penempatan dan pertukaran yang sedang berkuasa; dan
- 7.4 Calon yang dicadangkan oleh pihak berkuasa mubaligh juga perlu mempunyai pengalaman bertugas sebagai pentadbir di sekolah.

8. Sekiranya pihak berkuasa mubaligh **gagal** mengemukakan nama calon berdasarkan perenggan 7.1 hingga 7.4 di atas, maka pihak Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah mengemukakan calon lain yang telah memenuhi syarat berdasarkan peraturan penempatan dan pertukaran yang sedang berkuat kuasa. Calon tersebut seterusnya perlu dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran untuk tindakan selanjutnya. Jabatan Pelajaran Negeri juga hendaklah memaklumkan keputusan pencalonan kepada pihak berkuasa mubaligh.

### **TARIKH KUAT KUASA**

9. Surat Pekeliling Ikhtisas ini berkuatkuasa serta merta pada tarikh surat ini ditandatangani.

### **PEMANSUHAN**

10. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Ikhtisas ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.19/1998: Pelantikan Guru Besar dan Pengetua Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah Mubaligh, rujukan KP(BS)8591/Jld.XIV (19) bertarikh 3 September 1998, adalah terbatal.

### **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

11. YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan adalah dipohon untuk mengambil tindakan sewajarnya serta memaklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah, pengetua dan guru besar di bawah pentadbiran YBhg Datuk/Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**




**TAN SRI ABD GHAFAR BIN MAHMUD**


Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

- s.k.
1. YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin  
Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia
  2. YB Datuk Dr. Ir. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
  3. YB Dr. Mohd Puad bin Zarkashi  
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
  4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  7. Ketua- Ketua Bahagian  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  8. Ketua Nazir  
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
  9. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pelajaran Malaysia
  10. Pegawai Perhubungan Awam  
Kementerian Pelajaran Malaysia

**CARTA ALIR PELAKSANAAN  
PELANTIKAN PENGETUA DAN GURU BESAR SEKOLAH MUBALIGH  
(KEKOSONGAN JAWATAN ATAS SEBAB PENEMPATAN DAN PERTUKARAN)**



**CARTA ALIR PELAKSANAAN  
PELANTIKAN PENGETUA DAN GURU BESAR SEKOLAH MUBALIGH  
(KEKOSONGAN JAWATAN ATAS SEBAB PERSARAAN)**



**Nota:** JPN boleh memaklumkan kekosongan jawatan atas sebab persaraan kepada pihak berkuasa mubaligh lebih awal atau selewat-lewatnya 30 hari bekerja sebelum persaraan berkuat kuasa bagi membolehkan calon dikemukakan lebih awal kepada pihak Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian Pelajaran Malaysia.